



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.


PEMBANTU TEKNIK KANAN (C.2 EB.3)
PEJABAT DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEMBANTU TEKNIK KANAN
PEJABAT DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Elektrik / Kejuruteraan Mekanik / Ukur Bahan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Daerah Belait dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

2. Mempunyai Lesen Memandu Kelas Tiga (03) yang sah (tidak mansuh).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab keatas Pengurusan dan pemeliharaan dewan-dewan kemasyarakatan di bawah kawalan Jabatan Daerah Belait;
2. Membantu Pegawai Tugas-Tugas Khas / Ketua Pembantu Teknik, Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah Jabatan Daerah Belait;
3. Membantu Pegawai Tugas-Tugas Khas / Ketua Pembantu Teknik menyediakan anggaan belanjawan projek serta menyediakan kertas kerja tender dan sebutharga bagi keperluan Projek-Projek Jabatan Daerah Belait dan termasuk Projek Dewan-Dewan Kemasyarakatan;



4. Membuat ulasan laporan dan pandangan mengenai pengurusan dan penggunaan Dewan-Dewan Kemasyarakatan;
5. Menyelia dan mengawas kakitangan bawahan dan mengawas perlaksanaan kerja-kerja;
6. Mengawasi kakitangan bawahan termasuk pengawasan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor;
7. Merekabentuk rangkat bangunan (*structure design*) termasuk penyediaan lukisan;
8. Mengawasi kerja-kerja projek pembangunan dan pemeliharaan;
9. Membantu Pegawai Tugas-ugas Khas / Ketua Pembantu Teknik menyediakan dokumen dan membuat penilaian tawaran bagi kerja-kerja yang berkaitan dengan pemeliharaan kawasan dan lanskap; dan
10. Menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan serta arahan dari masa kesemasa.